

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK]
TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)
SOALAN : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status kemajuan Projek Estet Padi NKEA di setiap negeri. Apakah jaminan Kerajaan pengusaha padi sedia ada tidak ditindas dan apa-apa pembaharuan dalam industri padi tidak hanya mengutamakan keuntungan syarikat pengusaha.
- JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Projek Estet Padi NKEA dilaksanakan di bawah *Entry Point Project (EPP)* 10 dan 11 yang mana ia memfokuskan pada kawasan jelapang padi di seluruh negara. EPP 10 dilaksanakan di jelapang padi MUDA manakala EPP 11 pula di sembilan (9) kawasan jelapang yang lain iaitu di Kemubu, Kemasin, Ketara, Pulau Pinang, Kerian, Seberang Perak, Barat Laut Selangor, Batang Lupar dan Kota Belud. EPP 10 yang di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) ini telah bermula pada tahun 2011 dan sehingga kini telah berjaya menyatukan 15,141 hektar tanah untuk diuruskan secara berpusat oleh MADA dengan sasaran untuk mencapai 50,000 hektar tanah pada tahun 2020. Selain itu, purata hasil pengeluaran di kawasan MADA juga telah meningkat dari 4 metrik tan sehektar kepada 6 metrik tan sehektar pada tahun 2013. Bagi EPP 11 pula, sehingga kini sebanyak 7,531 hektar tanah telah berjaya disatukan di bawah pengurusan secara berpusat ini dan telah berjaya meningkatkan purata hasil pengeluaran daripada 3 metrik tan sehektar kepada 4.5 metrik tan sehektar sepanjang 3 tahun pelaksanaan projek ini.

Di bawah EPP 10 dan 11 ini juga, Kerajaan menggalakkan penyertaan petani untuk terlibat secara langsung dalam projek ini. Antara manfaat secara langsung yang akan diterima oleh petani ialah:

- i. meningkatkan hasil dan seterusnya **menambah pendapatan** di mana hasil bersih diperoleh sepenuhnya oleh petani dengan kos yang optimum;
- ii. bayaran **insentif penyertaan program** sebanyak RM2,000 sehektar bagi setiap musim selama 5 musim;
- iii. bayaran **dividen tahunan ahli daripada PPK**;
- iv. bayaran **dividen tahunan ahli daripada SPV**; dan
- v. **bayaran upah** akan dibayar kepada petani-petani yang mendaftar untuk bekerja di bawah PPK yang mengusaha ladang.

Antara manfaat lain yang diterima oleh petani ialah mereka dapat belajar daripada penggunaan teknologi baru dan juga Amalan Pertanian Baik [*Good Agriculture Practice (GAP)*] menerusi pengurusan tanah, pengurusan air yang lebih efektif, pengurusan tanaman mengikut jadual penanaman yang telah ditetapkan dan juga pengurusan penyakit dan makhluk perosak dan penyakit secara bersepadu. Para petani juga berpeluang menanam padi varieti moden seperti MR219 dan MR220 dan juga peluang untuk menerokai aktiviti pertanian lain seperti penternakan lembu, kambing, ayam dan itik serta penanaman herba, jagung dan juga tanaman kontan.